

13 DEC 1997

MSC IBARAT SEBUTIR MUTIARA, KATA JACK VALENTI

SEPANG, 13 Dis (Bernama) -- Koridor Raya Multimedia, boleh muncul sebagai sebutir mutiara yang bakal menyinari alam dagangan Malaysia pada tempoh 25 tahun akan datang, kata Jack Valenti, pengerusi merangkap ketua pegawai eksekutif Motion Picture Association (MPA).

Valenti, yang melawat Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) dekat sini hari ini, telah diberi taklimat oleh para pegawai MDC mengenai perkembangan MSC serta mengadakan perbincangan dua hala.

Motion Picture Association of America (MPAA) dan rakan antarabangnya, MPA, mewakili industri perfileman, video dan televisyen Amerika Syarikat.

Selepas taklimat itu, Valenti memuji Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana mempunyai wawasan untuk mewujudkan MSC yang telah meletakkan Malaysia di hadapan negara-negara lain.

Semasa taklimat, Valenti membangkitkan isu lanun cetak rompak termasuk ke atas filem, video cakera padat, cakera padat dan perisian komputer.

Bagaimanapun, beliau gembira bahawa kerajaan Malaysia telahpun menggubal beberapa undang-undang untuk menangani masalah itu.

Beliau menyatakan keyakinannya bahawa kerajaan Malaysia akan memastikan bahawa kegiatan cetak rompak dikurangkan dan seterusnya dihapuskan.

Menurut beliau tahap kegiatan mencetak rompak industri hak intelek hiburan Amerika Syarikat di Malaysia tidaklah sebegitu buruk, membabitkan kerugian kira-kira AS\$50 juta (kira-kira RM185 juta) berbanding dengan kerugian sebanyak AS\$1.5 bilion (kira-kira RM5.6 bilion) setahun bagi seluruh Asia. -- BERNAMA

MK SIA